

19/09/2000

Hudud bukan syarat negara Islam: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tidak melaksanakan hukum hudud pada masa ini kerana negara-negara Islam lain juga didapati sukar untuk melaksanakan undang-undang berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Pas mendakwa Arab Saudi mengamalkan hukum hudud, tetapi yang menjadi persoalan ialah bagaimana ia membuat keputusan untuk menghukum seseorang itu dengan melaksanakan hukum pancung dan kadang-kadang potong tangan.

"Kita ada bertanya kepada mereka mengenai hal itu, terutama mengenai bagaimana mereka membuat keputusan untuk menghukum bunuh seseorang. Mereka tidak dapat memberikan jawapan dan oleh itu kita tidak tahu apakah dibuat perbincaraan mengikut kehendak hukum hudud.

"Baru-baru ini terjadi satu kes di Arab Saudi yang menjatuhkan hukum hudud ke atas dua orang yang meliwat seorang budak dan mereka membunuh budak itu. Kerana membunuh budak itu kerajaan Arab Saudi telah menjatuhkan hukum bunuh ke atas kedua-dua orang itu.

"Kita hendak tahu bagaimanakah cara menjatuhkan hukuman bunuh ini dan kaedah yang digunakan oleh mereka untuk membicarakan seseorang itu mengikut hukum hudud. Sampai sekarang masih lagi tidak mendapat jawapan daripada pihak mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam pertemuan tertutup dengan 145 bekas penyokong Pas dari Marang, Terengganu di Sri Perdana, Putrajaya baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun tidak melaksanakan hukum berkenaan, Malaysia tetap juga diiktiraf sebagai negara Islam kerana keperluan itu bukan syarat untuk menjadi sebuah negara Islam.

"Bagaimanapun, Pas menuduh kita bukan negara Islam kerana tidak mengamalkan hukum hudud. Apakah ini boleh dijadikan sebab untuk menidakkan kita sebagai negara Islam? Di dalam hal ini kita tidak pernah pun menolak hukum hudud.

"Kita cuma menyatakan bahawa kita tidak mampu," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara lain tidak ada yang mengamalkan sistem hudud seperti Pakistan, Afghanistan, Bangladesh, Jordan, Yaman, Oman, Mesir, Maghribi, Libya, Tunisia dan Algeria, diiktiraf oleh Malaysia dan Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) sebagai negara Islam.

Katanya, apabila Pas berkata bahawa kerajaan ini bukan Islam kerana tidak melaksanakan hukum hudud, ia adalah sama seperti Pas berkata bahawa tidak ada negara Islam di dalam dunia ini, sedangkan semua 53 negara Islam di dalam dunia ini tidak melaksanakan hukum hudud.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata beliau menyerahkan kepada Allah untuk membalas segala perbuatan pemimpin Pas yang antara lain bersolat hajat untuk menjatuhkannya serta menggelar beliau sebagai "Mahafiraun" .

Katanya, Pas bukan saja menuduh kerajaan sekarang sebagai kerajaan kafir, malah turut menuduhnya pula sebagai 'Mahafiraun' dan mengadakan beratus-ratus solat hajat supaya beliau mati.

"Kalau ikut mereka saya sudah mati sebanyak empat kali. Tetapi Alhamdulillah saya masih hidup dan berdiri di sini untuk bersama tuan-tuan dan puan-puan. Jika kita mahu mencaci dan memaki memang cukup mudah, tetapi untuk berjuang dan memimpin bukanlah satu perkara yang mudah.

"Saya yakin dan percaya suatu hari nanti Allah akan membalas segala perbuatan pemimpin Pas ini dan mereka akan merasai balasannya. Dengan tuduhan dan gelaran yang berbagai-bagai oleh mereka kepada saya, saya

serahkan kepada Tuhan untuk membalasnya. Sesungguhnya Allah itu Maha Adil," katanya.

(END)